

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 25 SEPTEMBER 2021
(SABTU)**



Johor anggotai jawatankuasa teknikal pembukaan sempadan Malaysia, Singapura

Mohamed Farid Noh - September 25, 2021 @ 10:57pm
farid_noth@bh.com.my



Kerajaan Johor akan memberikan input diperlukan dalam rundingan jawatankuasa teknikal itu - Hasni. FOTO NSTP

JOHOR BAHRU: Kerajaan Pusat bersetuju untuk membabitkan Johor secara langsung dalam jawatankuasa teknikal membincangkan pembukaan semula sempadan Malaysia-Singapura.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad, berkata perkara itu dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika lawatan kerja sehari ke negeri ini, hari ini.

"Perdana Menteri bersetuju supaya Johor turut serta secara langsung bukan hanya dalam isu pembukaan sempadan, tetapi juga prosedur operasi standard (SOP) yang diperlukan berhubung rentas sempadan."

"Antara isu memerlukan input kerajaan negeri termasuk mendapatkan senarai rakyat Malaysia bekerja di Singapura yang sudah divaksin di sana tetapi maklumat itu belum dikemaskini dalam aplikasi MySejahtera.

"Isu lain yang kerajaan Johor boleh bantu dari segi input serta penyaluran maklumat adalah pergerakan keluar masuk lori membawa bekalan ke Singapura membabitkan pemandu lori yang perlu menjalankan ujian pemeriksaan kit ujian pantas (RTK)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri mesyuarat bersama pemimpin UMNO Johor yang dipengerusikan Perdana Menteri di Hotel Thistle, hari ini.

Hadir sama, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba.

Pada 7 September lalu ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, Hasni meminta supaya wakil kerajaan negeri disenaraikan dalam jawatankuasa khas perbincangan pembukaan sempadan Malaysia-Singapura.

Beliau dilaporkan berkata, hal itu penting berikutan pembukaan sempadan Johor-Singapura adalah antara elemen utama dalam usaha pemulihan ekonomi negeri.

Sementara itu, Hasni berkata, isu utama dalam pembukaan sempadan Malaysia-Singapura ketika ini adalah mendapatkan persetujuan republik itu.

Katanya, ia termasuk bagi membincangkan SOP yang akan dilaksanakan memandangkan republik itu sedang mengalami peningkatan kes baharu COVID-19 yang sedang melonjak.

"Antara perincian SOP dikemukakan Johor untuk penilaian termasuklah pengiktirafan sijil vaksin, bentuk saringan perlu dibuat dan tempoh sah ujian berkenaan selain sistem perlu dipersejuaui kedua-dua negara.

"SOP ini dibincangkan ketika mesyuarat tadi dan saya harap ia akan dapat dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) secepat mungkin," katanya.